

Malaysia usul isu tangani keganasan

BH 2 NOV 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat – Malaysia akan mengemukakan pelbagai perkara termasuk isu memerangi keganasan di rantau ini, pada Sidang Kemuncak Asean ke-8 di Phnom Penh, Isnin dan Selasa ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia juga akan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di antara Asean dan China bagi tujuan mewujudkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang ditetapkan untuk tempoh 10 tahun.

“Kita juga akan membincangkan sama ada perlunya Asean+3 (China, Korea dan Jepun) diinstitusikan. Sidang kemuncak kali ini juga pertama kali membabitkan Asean dan India,” katanya selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Untuk Setiausaha Syarikat di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai delegasi Malaysia ke sidang kemuncak itu.

Menurut kenyataan Wisma Putra pula, sebelum sidang kemuncak itu, Dr Mahathir akan merasmikan loji tenaga milik Malaysia, Cambodia Utilities Private Limited.

Beliau juga dijadual bertemu masyarakat Malaysia yang tinggal di negara Indo-China ini. Dr Mahathir akan diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir juga dijadual menghadiri perasmian Sidang Kemuncak Asean-India pada 5 November.

Di luar sidang kemuncak itu, Perdana Menteri juga dijadual bertemu dan berbincang isu dua hala serta antarabangsa lain yang membabitkan rantau ini dengan rakan sejawatannya.